# KERAJAAN NEGERI PERAK

## PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

# NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah Kod Bidang **221502** yang masih berkuatkuasa dan butiran sebut harga yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| Bil. | Butir-butir Sebut Harga | Kelayakan | Butir-butir Tarikh Sebut Harga di Iklankan | Tarikh dan Waktu Tawaran Tutup |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sebut Harga Perkhidmatan Penyewaan, Penyelenggaraan Dan Pemasangan Serta Bacaan Meter Mesin Penyalin Di Pejabat Kewangan Negeri Perak Bagi Tempoh Dua (2) Tahun<br>No. Sebut Harga: **PKNPK.70/2/6(P)1/2024** | **Berdaftar dengan:**<br>1. Kementerian Kewangan Malaysia<br>2. Kod Bidang: **221502** | **Tarikh:**<br>22 Julai 2024 (Isnin)<br>**Masa:**<br>08.00 Pagi – 05.00 Petang | **Tarikh:**<br>30 Julai 2024 (Selasa)<br>**Masa:**<br>12.00 Tengahari |

1. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri Perak atau memuat naik daripada Portal Pejabat Kewangan Negeri (http://kewangan.perak.gov.my) secara percuma.

2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan ditanda dengan No.Sebut harga **PKNPK.70/2/6(P)1/2024** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum **30 Julai 2024 (Selasa) jam 12.00** tengahari seperti alamat di bawah :-

**Pejabat Kewangan Negeri**
**Perak Darul Ridzuan**
**Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan**
**Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh.**
**Perak Darul Ridzuan.**
**No. Faks: 05-2537989**

3. Dokumen yang **LEWAT** diterima dari tarikh dan masa tawaran ditutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK

NURUL AFIZAL BINTI ZAINAL ABDIN
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
(Bahagian Khidmat Pengurusan)
Pejabat Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**KERAJAAN NEGERI PERAK**
**PEJABAT KEWANGAN NEGERI**
**PERAK DARUL RIDZUAN**

# KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal-Pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah Kod Bidang **221502** yang masih berkuatkuasa.

2. Butiran sebut harga yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| Bil. | Butir-butir Sebut Harga | Kelayakan | Butir-butir Tarikh Sebut Harga di Iklankan | Tarikh dan Waktu Tawaran Tutup |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sebut Harga Perkhidmatan Penyewaan, Penyelenggaraan Dan Pemasangan Serta Bacaan Meter Mesin Penyalin Di Pejabat Kewangan Negeri Perak Bagi Tempoh Dua (2) Tahun<br>No. Sebut Harga:<br>**PKNPK.70/2/6(P)1/2024** | Berdaftar dengan:<br><br>1.Kementerian Kewangan Malaysia<br><br>2.Kod Bidang: **221502** | **Tarikh:**<br>22 Julai 2024<br>(Isnin)<br><br>**Masa:**<br>08:00 Pagi<br>–<br>05:00 Petang<br><br>**Tempat:**<br>Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri Perak Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab 30000 Ipoh. Perak. | **Tarikh:**<br>30 Julai 2024<br>(Selasa)<br><br>**Masa:**<br>12:00 Tengah hari<br><br>**Tempat:**<br>Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri Perak Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab 30000 Ipoh. Perak. |

## KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PEMBEKAL TEMPATAN

1. Iklan dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri Perak atau memuat naik daripada Portal Pejabat Kewangan Negeri (**http://kewangan.perak.gov.my**) secara percuma.

2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan ditanda dengan No.Sebut harga **PKNPK.70/2/6(P)1/2024** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga atau melalui perkhidmatan pos berdaftar / kurier pada atau sebelum **30 Julai 2024 (Selasa) jam 12.00** tengahari seperti alamat di bawah :-

Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh. Perak Darul Ridzuan

3. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya 12.00 tengah hari.

4. Dokumen yang **LEWAT** diterima dari tarikh dan masa tawaran ditutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

5. Pejabat Kewangan Negeri Perak tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

6. Penyebut harga dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh Urus Setia Jawatankuasa Sebut Harga di dalam dokumen sebut harga. Penyebut harga yang gagal mengemukakan dokumen-dokumen yang diminta maka Urus Setia Jawatankuasa Sebut Harga mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran penyebut harga.

7. Sekiranya ada sebarang kemusykilan/ masalah mengenai **Proses Perolehan Dokumen Sebut Harga**, penyebut harga boleh menghubungi **Bahagian Khidmat Pengurusan**, Pejabat Kewangan Negeri Perak;

| | |
|---|---|
| Nama | 1. **Puan Nurul Afizal Binti Zainal Abdin**<br>Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)<br>2. **Puan Nor Faezah Binti Mohamad Tamsol**<br>Penolong Akauntan (KUP) (Khidmat Pengurusan) |
| Telefon | 05-209 5000 samb. 5021 dan 5026 |
| Waktu Pejabat | 8:00 pagi – 5:00 petang (Isnin hingga Jumaat) |

# SENARAI SEMAK

## PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN/ ~~BEKALAN/ KERJA~~

Senarai semak ini hendaklah dimasukkan sebagai muka surat pertama bagi dokumen cadangan tawaran penyebut harga. Sila tandakan √ bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

**PKNPK.70/2/6(P)1/2024**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

| Bil. | Perkara/ Dokumen | Untuk Ditanda oleh Penyebut Harga | Untuk Ditanda Oleh Urus Setia Jawatankuasa Sebut Harga |
|---|---|---|---|
| **1.** | Lampiran Q **(Arahan Perbendaharaan 170)** – Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani. | ☐ | ☐ |
| **2.** | **Jadual Tawaran Harga** (Lampiran 1) | ☐ | ☐ |
| **3.** | **Jadual Spesifikasi Bekalan/ Perkhidmatan** (Lampiran 2) | ☐ | ☐ |
| **4.** | **Surat Akuan Pembida** (Lampiran 3) | ☐ | ☐ |
| **5.** | **Surat Perwakilan Kuasa** (Lampiran 4) | ☐ | ☐ |
| **6.** | **Borang Maklumat Penyebut Harga** (Lampiran 5) | ☐ | ☐ |
| **7.** | Sesalinan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang berkaitan (bekalan/ Perkhidmatan) yang masih sah berkuatkuasa. | ☐ | ☐ |
| **8.** | Sesalinan **Perakuan Pendaftaran Syarikat** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) | ☐ | ☐ |

| Bil. | Perkara/ Dokumen | Untuk Ditanda oleh Penyebut Harga | Untuk Ditanda Oleh Urus Setia Jawatankuasa Sebut Harga |
|---|---|---|---|
| 9. | Sesalinan **Surat Permohonan Keputusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan** dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. **(Sekiranya ada)** | ☐ | ☐ |
| 10. | **Surat jaminan/ surat kuasa** daripada pembekal asal mana-mana item. **(Sekiranya ada)** | ☐ | ☐ |
| 11. | Profil Syarikat. | ☐ | ☐ |
| 12. | Salinan **Penyata Akaun Bank** untuk tiga bulan terakhir. **(April, Mei dan Jun 2024)** | ☐ | ☐ |
| 13. | Lain-lain:<br>(Sijil-sijil/ katalog/ contoh gambar) | ☐ | ☐ |

| PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA | UNTUK KEGUNAAN JABATAN |
|---|---|
| Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.<br><br>Tandatangan : ________<br>Nama : ________<br>Jawatan : ________<br>Tarikh : ________<br>Cop : | Urus setia Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ......................................... (jika ada).<br><br>Tandatangan : ________<br>Nama : ________<br>Jawatan : ________<br>Tarikh : ________<br>Cop : |

# DOKUMEN SPESIFIKASI SEBUT HARGA

## SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

| | | |
|---|---|---|
| NO. SEBUT HARGA | : | **PKNPK.70/2/6(P)1/2024** |
| KOD BIDANG | : | **221502: Perkhidmatan / Penyewaan dan Pengurusan / Mesin dan Peralatan Pejabat** |
| TARIKH PELAWAAN | : | **22 Julai 2024 (Isnin)** |
| TARIKH TUTUP | : | **30 Julai 2024 (Selasa), 12.00 Tengah hari** |

**PERINGATAN PENTING:**

1. **SEMUA PENYEBUT HARGA YANG INGIN MENYERTAI TAWARAN SEBUT HARGA INI MESTILAH BENAR-BENAR MEMAHAMI SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT YANG DINYATAKAN DALAM TAWARAN SEBUT HARGA INI. PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN.**

2. **PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA PERUNTUKAN DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

**DIKELUARKAN OLEH:**

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK
ARAS B, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKLIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH. PERAK DARUL RIDZUAN

# KENYATAAN SEBUT HARGA

A. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**1. Kenyataan Tawaran**

1.1 Tawaran ini dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang** berikut:

| Kod Bidang | Keterangan |
|---|---|
| **221502** | Perkhidmatan / Penyewaan dan Pengurusan / Mesin dan Peralatan Pejabat |

**2. Tarikh Tutup**

2.2 Tarikh tutup tawaran sebut harga ialah **30 Julai 2024 (Selasa) pada jam 12.00 tengah hari**.

2.3 Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

**3. Dokumen Sebut Harga**

Penyebut Harga boleh mendapatkan dokumen sebut harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan** pada **hari dan waktu bekerja** atau **memuat turun daripada Portal Pejabat Kewangan Negeri Perak** (http://kewangan.perak.gov.my)

**4. Penyerahan Dokumen Tawaran Sebut Harga**

4.1 Penyebut harga hendaklah menyerahkan dokumen berikut yang telah dilengkapkan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan:

| Bil. | Rujukan | Dokumen |
|---|---|---|
| i. | **Lampiran Q** | **(Arahan Perbendaharaan 170)** – Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani. |
| ii. | Lampiran 1 | **Jadual Tawaran Harga** |
| Iii. | Lampiran 2 | **Jadual Spesifikasi Bekalan/ Perkhidmatan** |
| iv. | Lampiran 3 | **Surat Akuan Pembida** |
| v. | Lampiran 4 | **Surat Perwakilan Kuasa** |
| vi. | Lampiran 5 | **Borang Maklumat Penyebut Harga** |
| vii | | Sesalinan **Sijil Akuan Pendaftaran** Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang |

| | | |
|---|---|---|
| | | berkaitan (bekalan/ Perkhidmatan) yang masih sah berkuatkuasa |
| viii. | | Sesalinan **Perakuan Pendaftaran** Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) |
| ix. | | Sesalinan Surat **Permohonan Keputusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan** dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. **( Sekiranya ada)** |
| x. | | Surat jaminan/ surat kuasa daripada pembekal asal mana-mana item. **( Sekiranya ada)** |
| xi. | | Profil Syarikat |
| xii. | | Salinan Penyata Akaun Bank untuk tiga bulan terakhir (April, Mei dan Jun 2024) |
| xiii. | | Lain-lain dokumen berkaitan sekiranya ada (salinan sijil-sijil, katalog, gambar). |

4.2 Dokumen yang lengkap seperti **Para 4.1** boleh diserahkan dengan kaedah seperti berikut:

4.3 Dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan ditanda dengan No.Sebut Harga **PKNPK.70/2/6(P)1/2024** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga atau melalui perkhidmatan pos berdaftar / kurier pada atau sebelum **30 Julai 2024 (Selasa) jam 12.00** tengahari seperti alamat di bawah:-

Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Aras B, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh.
**PERAK DARUL RIDZUAN**
**(u/p: Urus Setia Sebut Harga)**

4.4 **Ketidakpatuhan** kepada keperluan ini akan menyebabkan Dokumen Tawaran Sebut Harga **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN**.

4.5 Pejabat Kewangan Negeri tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen sebut harga yang dihantar kerana hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran. Mana-mana tawaran sebut harga yang dihantar lewat tidak akan diterima. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung kepada tawaran sebut harga yang di hantar melalui pos/ perkhidmatan *courier*.

**LAMPIRAN Q**
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170 )**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

| No. Sebut Harga : |
|---|
| **PKNPK.70/2/6(P)1/2024** |

( Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN NEGERI PERAK**
**PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

| | |
|---|---|
| Kepada (Nama Syarikat) ........................<br>............................................................<br>............................................................<br>No. Telefon: .............................................<br><br>No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: .............................................<br><br>Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini : **Kod 221502** | Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)<br><br>**Pejabat Kewangan Negeri Perak**<br>Aras B, Bangunan Perak Darul Ridzuan<br>Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab<br>30000 Ipoh,Perak<br><br>No. Telefon: 05 – 2095095<br>Tarikh: 22 Julai 2024 |

Sila beri sebut harga untuk bekalan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan : **Rujuk Syarat-syarat Am**

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki : **Tertakluk kepada Ketetapan Tempoh Perkhidmatan Dalam Surat Setuju Terima (SST)**

1.3 Arahan pengirim: Pejabat Kewangan Negeri Perak
Aras B, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh,Perak

1.4 Dokumen Sebut Harga hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri Perak selewat-lewatnya **pada 30 Julai 2024 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari.**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | ........................................................................ |
| Nama | : | Puan Nurul Afizal Binti Zainal Abdin |
| Jawatan | : | Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri |
| Tarikh | : | 22 Julai 2024 |

# TAWARAN HARGA

**PKNPK.70/2/6(P)1/2024**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

| Bil | Perihal Bekalan dan Syarat-syarat Khas | Kuantiti (Unit) | Kadar Sesalinan (*Meter Reading*) (RM) | | Kadar Sewaan Bulanan/ Seunit (RM) | Kadar Sewaan 24 Bulan (RM) | Jumlah Nilai Sewaan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | a | Hitam /Putih | Warna | b | c = a x b x 24 bulan | d = c |
| | Untuk diisi oleh Jabatan | | Untuk diisi oleh Penyebut Harga | | | | |
| **A. Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaraan Empat (4) Unit Mesin Penyalin** | | | | | | | |
| 1. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 1 Unit | | | | | |
| 2. | Bahagian Pengurusan Kewangan | 1 Unit | | | | | |
| 3. | Bahagian Perkhidmatan Operasi Perakaunan | 1 Unit | | | | | |
| 4. | Bahagian Pengurusan Dana dan Terimaan | 1 Unit | | | | | |
| | **Jumlah Keseluruhan Nilai Sewaan (A) (RM)** | | | | | | |

Spesifikasi Umum (Bahagian A):

i. Menyalin, mencetak dan mengimbas *(Copy, Print, Scan, Send, Store)*
ii. Fungsi warna dan hitam/putih *((Full Calour and Black and White (B/W)*
iii. Spesifikasi lain merujuk kepada Lampiran 2
iv. **Kerja-Kerja Penyelengaraan :**
Penyebut harga hendaklah menyediakan khidmat penyenggaraan *Preventive Maintainance* secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan termasuk membekalkan peralatan pakai habis dan alat ganti sekiranya berlaku kerosakan.

| Bil | Perihal Bekalan dan Syarat-syarat Khas | Kuantiti (Unit) | Kadar Sesalinan (*Meter Reading*) (RM) | | Jumlah Nilai Bacaan Meter (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hitam /Putih | Warna | |
| | **Untuk diisi oleh Jabatan** | | **Untuk diisi oleh Penyebut Harga** | | |
| **A.** | **Kadar Bacaan Meter Empat (4) Unit Mesin Penyalin Bagi Tempoh Dua (2) Tahun** | | | | |
| 5. | Cetakan Hitam Putih *(Meter Reading)* | 1,200,000 keping | | | |
| 6. | Cetakan Berwarna *(Meter Reading)* | 160,000 keping | | | |
| | | | | **Jumlah Keseluruhan Nilai Bacaan Meter (B) (RM)** | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN (RM) YANG DI BAWA DALAM BORANG SEBUT HARGA (NILAI SEWAAN (A) + BACAAN METER (B) )** | | | | |

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah <u>**Tertakluk kepada Ketetapan Tempoh Perkhidmatan Dalam Surat Setuju Terima (SST)**</u>

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebutharga :
Nama dan No. K/P :
Alamat Syarikat :
Tarikh :

**Mustahak – Lihat Syarat-Syarat Am Di Belakang**

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. **KEADAAN BARANG**
   Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA**
   Harga yang boleh ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**
   Sebut harga ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG SETARA**
   Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PERSETUJUAN**
   (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

   (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**
   (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

   (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**13. PEMBUNGKUSAN**

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan;dan

(ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

**14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

**15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**16. MATAWANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**17. PEMBUNGKUSAN**

(i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

(ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

## 18. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

18.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan kadar segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.5 Tambahan Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan seperti di Lampiran 3 juga adalah merupakan sebahagian daripada syarat-syarat am bagi sebut harga ini.

18.6 Sehubungan itu, semua Penyebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran 3** dan ia adalah wajib dihantar bersama dengan dokumen tawaran sebut harga. Wakil syarikat yang menandatangani **Surat Akuan Pembida** hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat **seperti di Lampiran 4.**

**LAMPIRAN 1**

**PKNPK.70/2/6(P)1/2024**

## JADUAL TAWARAN HARGA
## SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

| **Bil** | **Perihal Bekalan dan Syarat-syarat Khas** | **Kuantiti (Unit)** | **Kadar Sesalinan (*Meter Reading*) (RM)** | | **Kadar Sewaan Bulanan/ Seunit (RM)** | **Kadar Sewaan 24 Bulan (RM)** | **Jumlah Nilai Sewaan (RM)** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **a** | **Hitam /Putih** | **Warna** | **b** | **c = a x b x 24 bulan** | **d = c** |
| | **Untuk diisi oleh Jabatan** | | **Untuk diisi oleh Penyebut Harga** | | | | |
| **A. Perkhidmatan Penyewaan, Penyelenggaraan dan Pemasangan Empat (4) Unit Mesin Penyalin**<br>Spesifikasi Umum :<br>i. Menyalin, mencetak dan mengimbas ***(Copy, Print, Scan, Send, Store)***<br>ii. Fungsi warna dan hitam/putih ***((Full Calour and Black and White (B/W)***<br>iii. Spesifikasi lain merujuk kepada Lampiran 2<br>**iv. Kerja-Kerja Penyelengaraan :**<br>Penyebut harga hendaklah menyediakan khidmat penyenggaraan *Preventive Maintainance* secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan termasuk membekalkan peralatan pakai habis dan alat ganti sekiranya berlaku kerosakan. | | | | | | | |
| 1. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 1 Unit | | | | | |
| 2. | Bahagian Pengurusan Kewangan | 1 Unit | | | | | |
| 3. | Bahagian Perkhidmatan Operasi Perakaunan | 1 Unit | | | | | |
| 4. | Bahagian Pengurusan Dana dan Terimaan | 1 Unit | | | | | |
| | | | **Jumlah Keseluruhan Nilai Sewaan (A) (RM)** | | | | |

**LAMPIRAN 1**

| **Bil** | **Perihal Bekalan dan Syarat-syarat Khas** | **Kuantiti (Unit)** | **Kadar Sesalinan (*Meter Reading*) (RM)** | | **Jumlah Nilai Bacaan Meter (RM)** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | **Hitam /Putih** | **Warna** | |
| | **Untuk diisi oleh Jabatan** | | **Untuk diisi oleh Penyebut Harga** | | |
| **B.** | **Kadar Bacaan Meter Empat (4) Unit Mesin Penyalin Bagi Tempoh Dua (2) Tahun** | | | | |
| 5. | Cetakan Hitam Putih *(Meter Reading)* | 1,200,000 keping | | | |
| 6. | Cetakan Berwarna *(Meter Reading)* | 160,000 keping | | | |
| | | | | **Jumlah Keseluruhan Nilai Bacaan Meter (B) (RM)** | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN (RM) YANG DI BAWA DALAM BORANG SEBUT HARGA (NILAI SEWAAN (A) + BACAAN METER (B) )** | | | | |

**LAMPIRAN 2**

## JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

| BIL. | KETERANGAN | | YA | TIDAK | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Untuk Diisi Oleh Penyebut Harga | | |
| **SPESIFIKASI UMUM PERALATAN** | | | | | |
| 1. | Jenis Mesin | Mesin baharu *(Color Digital Multifunction Imaging System)* | | | |
| 2. | Nyatakan Jenama / Model dan Keluaran | Jenama :<br>Model / Siri:<br>Keluaran :<br><br>***(Sila nyatakan)*** | | | |
| 3. | Fungsi Mesin | Menyalin,mencetak, mengimbas dan menyimpan<br>*(Copy, Print, Scan, Send, Store)* | | | |
| 4. | Kuantiti Mesin | **4 Unit**<br>(Cetakan warna dan hitam/putih)<br>*(Full Calour and Black and White (B/W)* | | | |
| 5. | Kelajuan Penyalinan dan Pencetakan (per minit) | Tidak kurang daripada 50 helaian seminit<br><br>***(Setara atau lebih tinggi sila nyatakan tawaran penyebut harga di bahagian catatan)*** | | | |
| 6. | Masa Pemanasan (*warm up time*) | Tidak melebihi daripada 30 saat<br><br>***(Setara atau lebih tinggi sila nyatakan tawaran penyebut harga di bahagian catatan)*** | | | |
| 7. | Cetakan Depan Belakang | Mempunyai teknologi cetakan depan belakang secara automatik | | | |
| 8. | Resolusi | *Reading* : 600x 600dpi<br>*Copying* : 600x 600dpi<br>*Printing* : 1200x 1200dpi *(text / line only)* | | | |

| BIL. | KETERANGAN | | YA | TIDAK | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Untuk Diisi Oleh Penyebut Harga | | |
| **SPESIFIKASI UMUM PERALATAN** | | | | | |
| 9. | Kelajuan Salinan Cetakan Pertama (FCOT) | Tidak melebihi daripada:<br>6 saat untuk cetakan warna<br>3.9 saat untuk cetakan hitam putih | | | |
| 10. | Bilangan dulang (*tray*) | Sekurang-kurangnya 4 *Tray (Normal tray / Standard : Dual 550 - Sheet Paper Cassettes).* | | | |
| | | Dulang sisi *(bypass tray)* mampu menampung sekurang-kurangnya 100 helai kertas A4/A3 | | | |
| 11. | Memori | *Standard* Memori 2GB RAM up to 3GB RAM dan *Standard* Hard disk 160-320GB up to *maximum* 1TB | | | |
| 12. | *Document Feeder* | Memuatkan tidak kurang dari 100 helaian kertas 80gsm | | | |
| 13. | Saiz Kertas | Saiz Kertas dari A5 hingga A3 wide | | | |
| 14. | Pencetakan Terus (*Direct Printing*) | Mencetak terus aplikasi PDF, TIFF, JPEG, XPS dan sebagainya | | | |
| | | Mencetak terus dari Pemacu Pena tanpa mengunakan komputer | | | |
| 15. | Pengimbasan | Pengimbasan berwarna dan hitam putih sehingga saiz A3 (11" x 17") | | | |
| 16. | Pengimbasan Depan Belakang | Pengimbasan dokumen dua belah mukasurat (*double sided*) | | | |

| BIL. | KETERANGAN | | YA | TIDAK | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Untuk Diisi Oleh Penyebut Harga | | |
| **SPESIFIKASI UMUM PERALATAN** | | | | | |
| 17. | Destinasi Pengimbasan | Boleh mengimbas terus ke pelbagai destinasi seperti:<br>a) Mengimbas terus ke Email<br>*b)* Mengimbas terus ke *FTP server*<br>*c)* Mengimbas terus ke *Network Folder (SMB)*<br>d) Mengimbas terus ke Pemacu Pena<br>e) Mengimbas terus ke *desktop* | | | |
| 18. | *Hard Disk Overwrite* | Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin atau pun dicetak secara automatik dari memori mesin dan *address book* | | | |
| 19. | *Hard Disk Encryption* | Didatangkan dengan fungsi penyulitan data PDF dengan kata laluan untuk dokumen-dokumen sulit | | | |
| 20. | *Common Criteria Validation* | Mesti ada *common criteria validation* yang mengesahkan bahawa produk ini telah mematuhi syarat-syarat kawalan tahap (4) | | | |
| 21. | *Restrict Access* | Menghadkan laluan masuk ke MFP melalui rangkaian penyahkod SSL,Ipv6 dan Ipsec | | | |
| 22. | Penjimatan Elektrik (*Energy Saver*) | Mempunyai *Auto Power Shut Off Mode.* | | | |
| 23. | Katalog/Brosur/ Risalah | Sila sertakan katalog mesin yang dicadangkan | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 24. | Jaminan *(Warranty)* | Menyediakan perkhidmatan jaminan *(warranty)* ***(sila nyatakan tempoh jaminan (warranty) tawaran penyebut harga di bahagian catatan*** | | | |
| 25. | Ciri-ciri tambahan lain *(jika ada)* | **Sila nyatakan *(jika ada)*** | | | |
| i. | Fungsi Stapler *(Staple Finisher):* | Mempunyai fungsi stapler secara automatik bagi dokumen yang dicetak | | | |
| ii. | | | | | |
| iii. | | | | | |

| BIL. | KETERANGAN | YA | TIDAK | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | Untuk Diisi Oleh Penyebut Harga | | |
| | **SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGARAAN** | | | |
| 26. | **Kerja-Kerja Penyelengaraan**<br>Penyebut harga hendaklah menyediakan khidmat penyenggaraan *Preventive Maintainance* secara berkala sekurang- kurangnya satu (1) kali sebulan.<br>Waktu penyelenggaraan:<br>**Isnin – Jumaat : 8.30 pagi – 5.00 petang (tidak termasuk cuti am)** | | | |
| 27. | ***Response Time***<br>Penyebut harga dikehendaki memberi **maklumbalas dan tindakan segera** terhadap aduan/kerosakan dalam tempoh 2-3 jam pada waktu bekerja bagi kawasan meliputi 40 kilometer dari Bandaraya Ipoh dan 24 jam bagi kwasan melebihi 40 kilometer di dalam Negeri Perak daripada masa aduan diterima. Penyebut harga juga dikehendaki menampal pelekat yang mengandungi nombor telefon untuk dihubungi di mesin penyalin sekiranya berlaku kerosakan atau terdapat keperluan penyenggaraan. | | | |
| 28. | **Mesin Tambahan**<br>Sekiranya penyelenggaraan kerosakan mengambil masa melebihi 24 jam atau memerlukan pembaikan besar *"major repair"* Penyebut harga hendaklah menyediakan mesin gantian yang setara (*loaner unit*) tanpa sebarang kos tambahan. | | | |
| 29. | **Jaminan / Alat Ganti**<br>Penyebut harga hendaklah menggantikan alat yang rosak dan menggunakan alat ganti tulen tanpa sebarang kos tambahan sekiranya diperlukan. | | | |
| 30. | **Laporan / Log Penyelenggaraan**<br>Penyebut harga perlu menyediakan buku log khidmat penyenggaraan bagi setiap pembaikan, penyenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya pada setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan dan perlu ditandatangani oleh wakil kerajaan dari semasa ke semasa. Setiap buku log penyenggaraan perlu diletakkan di tempat mesin penyalin dan hendaklah dikemaskini setiap kali lawatan dilakukan. | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 31. | **Peralatan Pakai Habis**<br>Penyebut harga bertanggung jawab sepenuhnya terhadap semua kos pembekalan segala peralatan guna habis *(consumables)* seperti toner, drum, roller, bullet stapler dan lain-lain bahan sepanjang tempoh penyewaan (tidak termasuk kertas). | | | |
| 32. | **Lain-Lain**<br>i. Penyebut harga bertanggung jawab untuk membuat penyambungan kepada mana-mana komputer sebagaimana yang telah diarahkan oleh kerajaan dan melatih sekurang-kurangnya seorang (1) Penjawat Awam bagi setiap lokasi berkenaan dengan cara-cara penggunaan, pengurusan dan penyenggaraan peralatan secara percuma.<br>ii. Hak milik ke atas peralatan adalah terletak kepada penyebut harga dan akan kekal sepanjang tempoh berkuatkuasanya perjanjian. | | | |
| 33. | **Tawaran Lain oleh Penyebut harga**<br>*( sekiranya ada sila nyatakan)* | | | |

**PERHATIAN:**

i. Semua barangan **hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.**

ii. Sekiranya terdapat aksesori tambahan sila kemukakan keterangan spesifikasi yang lengkap di ruangan catatan atau secara berasingan.

## SKOP PERKHIDMATAN/*SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)*

## SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

### 1. SKOP PERKHIDMATAN

1.1 Memberi jaminan bahawa Peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini berada dalam keadaan baik, berfungsi sepenuhnya, dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat Peralatan tersebut tidak diubah suai oleh Kerajaan tanpa memberikan sebarang notis kepada Syarikat;

1.2 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan menyediakan perkhidmatan dan penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini;

1.3 Menghantar dan memasang Peralatan di Premis dengan syarat Peralatan yang dipasang dan dihantar hendaklah boleh digunakan dan dalam keadaan yang sangat baik;

1.4 Membenarkan Kerajaan yang telah dengan sewajarnya membayar sewa dan melaksanakan serta mematuhi obligasinya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menggunakan secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Perjanjian tanpa gangguan atau kekacauan oleh Syarikat atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Syarikat;

1.5 Memastikan bahawa Peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Syarikat hendaklah menyediakan Khidmat Penyelenggaraan setiap satu (1) bulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan apa-apa caj kepada Kerajaan yang hendaklah dibuat dalam Waktu Perniagaan Biasa atau mengikut aturan sepertimana yang dipersetujui bersama oleh Syarikat dan Kerajaan;

1.6 Membekalkan alat-alat ganti yang tulen tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan dengan syarat kerosakan tersebut bukan disebabkan oleh kecuaian atau tindakan sengaja Kerajaan. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Syarikat hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Syarikat dan Kerajaan;

1.7 Memberi jaminan bahawa pelaksanaan khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan pembekalan alat-alat ganti ke atas Peralatan akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;

1.8 Bertindak kepada aduan kerosakan oleh Kerajaan di mana *"Response Time"* oleh Syarikat untuk memberi khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian alat-alat ganti dalam tempoh 2-3 jam pada waktu bekerja bagi kawasan meliputi 40 kilometer dari Bandaraya Ipoh dan kawasan melebihi 40 kilometer di dalam Negeri Perak tidak melebihi satu (1) hari;

1.9 Bersedia menerima dan mengambil tindakan serta merta ke atas aduan bersifat *adhoc* dan menyediakan juruteknik untuk *standby* jika terdapat keperluan;

1.10 Menghantar juruteknik yang berkelayakan dan berkemahiran untuk memeriksa, menyelaras dan menyelenggara Peralatan;

1.11 Menyedia dan mengemukakan buku nota Khidmat Penyelenggaraan (*service report)* bagi setiap pembaikan, penyelenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya, di mana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, buku nota tersebut hendaklah ditandatangani oleh wakil Pihak-Pihak dan mengemukakannya kepada Kerajaan apabila diminta dari semasa ke semasa;

1.12 Menyediakan Peralatan (mesin tambahan) kepada Kerajaan sebagai *Back-up Machine* jika berlaku kerosakan yang memerlukan pembaikan besar *"major repair";*

1.13 Menggantikan Peralatan kepada Kerajaan tanpa mengenakan sebarang kos atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan yang berpunca daripada kelalaian, kecuaian atau perbuatan sengaja oleh Syarikat, pekerjanya, agen-agennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya.

**LAMPIRAN 3**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**SEBUT HARGA: PKNPK.70/2/6(P)1/2024**

Saya, *(Nama Wakil Syarikat)* ................................................................................ (No. Kad Pengenalan ................................ yang mewakili *(Nama Syarikat)* ................................................................................ nombor Pendaftaran *(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)* ................................ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan

ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuas

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masingmasing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku..

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :

Catatan:

(i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

(ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

**LAMPIRAN 4**

## SURAT PERWAKILAN KUASA

## SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN SERTA BACAAN METER MESIN PENYALIN DI PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

## SEBUT HARGA: PKNPK.70/2/6(P)1/2024

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Pejabat Kewangan Negeri Perak
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak.

Tarikh:

YB Dato'

**PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya ............................................................ No. Kad Pengenalan: ......................................... selaku pemilik syarikat ................................................................................... (Nama Syarikat) akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan Sebut Harga Pembekalan dan Penghantaran Kelengkapan dan Mesin-Mesin Pejabat bagi Pejabat Kewangan Negeri Perak **atau** mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu*:

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | ................................................................... |
| Alamat | : | ................................................................... |
| | | ................................................................... |
| Jawatan | : | ................................................................... |
| No.Kad Pengenalan | : | ................................................................... |
| No. Telefon | : | ................................................................... |
| Emel | : | ................................................................... |

3. Sehubungan dengan itu dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak YB Dato' selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.........................................
(Tandatangan Pemilik Syarikat)
Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

*Potong mana yang tidak berkenaan

**LAMPIRAN 5**

# MAKLUMAT BERKENAAN PENYEBUT HARGA

1. **Nama Syarikat:**
(Penyebut Harga)

2. **Alamat Syarikat:**

2.1 Ibu Pejabat: ........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

Telefon: ................................ Faks: ...............................

2.2 Cawangan: ........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

Telefon: ................................ Faks: ...............................

3. **Butiran Peniaga:**

3.1 No. Pendaftaran Perniagaan/ Syarikat: ...................................................

3.2 Tarikh Perniagaan/ Syarikat ditubuhkan: ...................................................

4. **Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan:**

4.1 Tempoh Pendaftaran : Mulai ........................................
(Sila Sertakan Sijil Pendaftaran) : Hingga ........................................

4.2 Taraf Syarikat: : * Bumiputera / Bukan Bumiputera

(Sila sertakan salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. **Butiran Pemilikan Syarikat** (Isikan yang berkenaan sahaja)

5.1 Perseorangan:

| Nama Pemilik | No. Kad Pengenalan |
|---|---|
| | |

5.2 Perkongsian:

| Bil. | Nama Perkongsian | No. Kad Pengenalan | Peratus Perkongsian |
|---|---|---|---|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

5.3 Persendirian Berhad/ Berhad:

5.3.1 Pemegang Saham

| Bil. | Nama Pemegang Saham | No. Kad Pengenalan | Peratus Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

5.3.2 Lembaga Pengarah

| Bil. | Nama Pemegang Saham | No. Kad Pengenalan | Keturunan/ Bangsa |
|---|---|---|---|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

6. **Modal Syarikat:**
(Isikan yang berkenaan sahaja)

6.1 Perseorangan/ Perkongsian: RM ........................................

6.2 Sendirian Berhad/ Berhad: RM ........................................

i. Modal Dibenarkan: RM ........................................

ii. Modal Berbayar: RM ........................................

6.3 Kemudahan Kredit/ Overdraf: RM ........................................

6.4 Purata Kewangan Syarikat bagi 3 bulan: RM ........................................
(sila sertakan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 bulan terakhir)

**7. Komposisi Pekerja:**

| | Bumiputera | Bukan Bumiputera | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 7.1 Pengurusan | ........................... | ........................... | ........................... |
| 7.2 Teknikal | ........................... | ........................... | ........................... |
| 7.3 Perkeranian | ........................... | ........................... | ........................... |
| 7.4 Buruh/ kakitangan Rendah | ........................... | ........................... | ........................... |

**8. Pengalaman Kerja** dalam bidang berkaitan (sila isi **Lampiran 5-A**)

LAMPIRAN 5-A

## PENGALAMAN PERKHIDMATAN/ BEKALAN/ KERJA

***(Sertakan sesalinan dokumen berkaitan sebagai bukti pengalaman dan perkhidmatan yang sedang dilaksanakan)***

| Bil. | Kementerian/ Jabatan/ Agensi | Butiran Perkhidmatan/ Bekalan/ Kerja | Nilai (RM) | Tempoh | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Mula | Tamat |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |